

Headline	Tarif baru elektrik diumumkan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	407,786	Readership	3,351,000
Section	Setempat	Page No	1,17
ArticleSize	298 cm <sup>2</sup>	Journalist	Hamizah Badiran
PR Value	RM 32,892		



# Tarif baru elektrik diumumkan

## KENAIKAN TARIF ELEKTRIK

# Purata 5 sen

■ Usaha kerajaan kukuh kewangan negara tanpa beban rakyat miskin

Oleh Hamizah Badiran

hamizah@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

**B**erkuat kuasa 1 Januari 2014, kadar purata tarif elektrik di Semenanjung Malaysia dinaikkan 4.99 sen manakala 5 sen bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili berkata, keputusan itu diambil bagi mengukuhkan kewangan negara ke arah penetapan harga gas berasaskan mekanisme harga pasaran dan usaha rasional subsidi yang perlu diteruskan kerajaan.

“Walaupun tarif dinaikkan, secara keseluruhannya, kerajaan masih perlu menanggung jumlah subsidi melalui pelepasan hasil per-

olehan gas asli RM14 bilion setahun bagi semua pengguna di Semenanjung,” katanya.

Bagaimanapun, untuk melindungi kebajikan pengguna daripada golongan berpendapatan rendah, tiada kenaikan tarif elektrik akan dikenakan oleh pengguna domestik di Semenanjung, Sabah dan Wilayah Labuan yang menggunakan elektrik 300 kWj ke bawah.

Kerajaan juga akan terus membantu dengan membekalkan rebat RM20 kepada pengguna yang bil elektriknya RM20 dan ke bawah sehingga 31 Disember ini.

Sementara itu, Pengerusi Tenaga Nasional Berhad

(TNB), Tan Sri Leo Moggie berkata, kerajaan akan menanggung subsidi lebih tinggi sekiranya kadar tarif elektrik tidak dinaikkan.

berikutan kos operasi dan belian bahan bakar yang semakin meningkat.

Biarpun berlaku pengurangan subsidi menerusi kenaikan tarif ini, kerajaan masih meneruskan subsidi atau pengecualian bayaran bulanan bil kepada mereka yang menggunakan elektrik bawah RM20 sebulan.

“Kenaikan ini bukan TNB yang menetapkan atau negara, tetapi satu keperluan kerana kos operasi,” katanya.

“Kalau tarif ini tidak di-

naikkan, akan datang ia (kenaikan) tetap terjadi juga dan perkara ini sukar untuk dielakkan,” katanya.

Beliau berkata, pengguna domestik yang bil elektriknya di bawah RM77 sebulan masih tidak terkesan dengan kadar tarif baru ini kerana yang melebihi daripada jumlah itu saja dikenakan.

Kadar tarif baru berkenaan juga masih rendah berbanding negara Asean lain seperti di Singapura dan Filipina.

Ditanya kesannya kepada pengguna termasuk kenaikan harga barang lain, Leo berkata ia mungkin berlaku namun ia masih minimum dan terkawal.

“Kalau tarif ini tidak dinaikkan, akan datang ia tetap terjadi juga dan perkara ini sukar untuk dielakkan”  
Tan Sri Leo Moggie

Headline	Tarif baru elektrik diumumkan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	407,786	Readership	3,351,000
Section	Setempat	Page No	1,17
ArticleSize	298 cm <sup>2</sup>	Journalist	Hamizah Badiran
PR Value	RM 32,892		

### Implikasi Penyelarasan Kadar Tarif Elektrik ke atas Pengguna Domestik di Semenanjung Malaysia



Jenis Penggunaan (kWj) (kilowatt sejam)	Bilangan Pengguna		Bil Elektrik Semasa (RM)	Bil Elektrik Baru (% Kenaikan)*	Perbezaan (RM)
	juta	%			
0 - 200	3.25	50.37	3.00 - 43.60	3.00 - 43.60**	Tiada Kenaikan
201 - 300	1.31	20.30	43.93 - 77.00	43.93 - 77.00**	Tiada Kenaikan
301 - 400	0.72	11.1	77.40 - 117.00	77.52 - 128.60	0.12 - 11.60
401 - 600	0.67	10.44	117.40 - 198.80	129.12 - 231.80	11.71 - 33.00
601 - 800	0.26	4.03	199.23 - 285.10	232.35 - 341.00	33.12 - 55.90
801 - 1000	0.11	1.75	285.55 - 375.80	341.55 - 452.70	55.99 - 76.90
1001 - 5000	0.13	1.98	376.25 - 2191.80	453.27 - 2736.70	77.02 - 544.90
>5000	0.002	0.03	2192.55 dan ke atas	2737.27 dan ke atas	545.02 dan ke atas
<b>JUMLAH</b>	<b>6.45</b>	<b>100</b>			

\* Tertakluk kepada 1.6% FIT (Tarif Galakan) ke atas bil elektrik bulanan  
 \*\* Dikecualikan daripada 1.6% FIT (Tarif Galakan) ke atas bil elektrik bulanan

### Implikasi Penyelarasan Kadar Tarif Elektrik ke atas Pengguna Komersil dan Industri di Semenanjung Malaysia



Jenis penggunaan	Jenis penggunaan (kWj) sebulan	Kadar kenaikan maksimum sebulan (% kenaikan)	Perbezaan (RM) sebulan
• Peruncit • Pekedai • Pengusaha restoran kecil	Tidak melebihi 200 kWj	10.7%	8.40
• Pengusaha industri memproses makanan kecil-kecilan	Kurang daripada 200 kWj	10.1%	7.00
• Kompleks beli-belah • Kompleks pejabat kerajaan • Hotel	Bergantung kepada profail penggunaan	16.85%	
• Kilang / Industri	Bergantung kepada profail penggunaan	16.85%	